

ANALISIS EKONOMI PELAJAR: TINJAUAN TERHADAP PERMOHONAN ZAKAT DI UITM NEGERI SEMBILAN

Rafidah Mohd Azli^{a*}, Mohd Asyran Safwan Kamaruzzaman^b, Nursafra Mohd Zhaffar^c

^aAcademy of Contemporary Islamic Studies UiTM Negeri Sembilan, Kuala Pilah Campus and
rafidah2262@uitm.edu.my

^bAcademy of Contemporary Islamic Studies UiTM Negeri Sembilan, Kuala Pilah Campus and
asyransafwan@uitm.edu.my

^cAcademy of Contemporary Islamic Studies, UiTM Negeri Sembilan Rembau Campus and
nursafra@uitm.edu.my

*Corresponding Author

Article info

Received:
28/02/2024
Received in revised form:
06/03/2024
Accepted:
08/03/2024
Available online:
15/04/2024

Keywords:

Agihan;
Zakat;
Keberkesanan;
Polisi;
Ketelusan;

DOI:

[10.24191/JIPSF/v6n12024_94-107](https://doi.org/10.24191/JIPSF/v6n12024_94-107)

Abstrak

Objektif penulisan kertas ini adalah untuk menganalisis status ekonomi semasa pelajar yang memohon zakat di UiTM Negeri Sembilan dan mengkaji kesan kadar Pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan jumlah pendapatan keluarga pelajar terhadap jumlah agihan zakat UiTM yang diperolehi mereka. Data pelajar adalah penerima zakat UiTM Negeri Sembilan bagi tahun 2021 dan 2022. Hasil dapatan kajian dianggarkan dapat mengenalpasti keberkesanan polisi agihan zakat (Arahan Amanah) di UiTM Negeri Sembilan terutama semasa dan selepas covid-19 dan mengkaji ketelusan proses pemilihan dan agihan zakat dengan meneliti kesesuaian kadar bantuan zakat terhadap golongan tersasar di kalangan asnaf zakat. Kajian ini membuktikan keberkesanan polisi agihan zakat UiTM. Namun terdapat golongan tersasar yang perlu diberi perhatian oleh pihak pengurusan dengan menambah baik polisi agihan zakat UiTM.

ECONOMIC ANALYSIS OF STUDENTS: A STUDY ON ZAKAT APPLICATIONS AT UITM NEGERI SEMBILAN

Abstract

The objective of this paper is to analyze the current economic status of students who apply for zakat at UiTM Negeri Sembilan and to examine the effects of the PTPTN rate and the total family income of students on the amount of zakat distributed by UiTM. The data consists of UiTM Negeri Sembilan zakat recipients for the years 2021 and 2022. The study findings are expected to identify the effectiveness of the zakat distribution policy

(Amanah Directive) at UiTM Negeri Sembilan, especially during and after COVID-19, and to examine the transparency of the zakat selection and distribution process by examining the suitability of zakat assistance rates for targeted groups among the zakat recipients. This study demonstrates the effectiveness of UiTM's zakat distribution policy. However, there are targeted groups that need attention from the management by improving UiTM's zakat distribution policy. Keywords: Distribution, Zakat, Effectiveness, Policy, Transparency

PENGENALAN

Terdapat masalah yang berlaku sewaktu penentuan kelayakan pelajar bagi menentukan jumlah zakat iaitu setiap pelajar yang memohon zakat UiTM mempunyai latar belakang kewangan yang berbeza dalam keadaan jumlah dana zakat yang terhad. Perbezaan latarbelakang kewangan di sini bermaksud pelajar yang memohon zakat adalah dari keluarga berpendapatan B40 (RM0 hingga RM4000) dan mempunyai status kadar pinjaman Pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) yang berbeza. Sebagai contoh, kadar PTPTN yang diterima oleh pelajar asnaf ialah antara RM1500 hingga RM3300. Jumlah tersebut diberikan oleh pihak PTPTN berdasarkan status kewangan semasa keluarga pelajar tersebut. Terdapat jurang perolehan PTPTN yang besar di kalangan pelajar, namun jumlah zakat UiTM yang diagih kepada mereka ditentukan oleh status 'ada' atau 'tiada' PTPTN tanpa mengambil kira julat perbezaannya. Amalan semasa ialah penentuan zakat hanya bergantung kepada hasil perkiraan had kifayah semasa iaitu dari Lembaga Zakat Selangor. Dalam pengiraan had kifayah tersebut tidak termasuk jumlah PTPTN yang diterima oleh pelajar. Ini memberi impak kepada golongan yang tersasar iaitu berpendapatan rendah dan tiada PTPTN. Dalam polisi utama UiTM iaitu Arahan Amanah UiTM, julat jumlah PTPTN tidak dinyatakan sebagai penentu kepada agihan zakat.

Oleh yang demikian, Unit Zakat, Sedekah dan Wakaf (ZAWAF) berpandangan bahawa jumlah agihan zakat memerlukan standard pembahagian yang lebih teliti berdasarkan perbezaan PTPTN dan pendapatan keluarga yang menentukan hasil perkiraan had kifayah. Justeru, objektif penulisan kertas ini adalah untuk (a) mengenalpasti latarbelakang demografi dan status ekonomi pelajar yang memohon zakat di UiTM Negeri Sembilan, (b) mengenalpasti sejauhmana kadar PTPTN dan pendapatan keluarga pemohon zakat memberi kesan kepada jumlah agihan zakat yang diterima oleh mereka di UiTM bagi tahun 2021 dan 2022.

Hasil dapatan kajian dianggarkan dapat mengenalpasti tahap keberkesanan polisi agihan zakat (Arahan Amanah) di UiTM Negeri Sembilan terutama semasa dan selepas covid-19. Tahap ketelusan proses pemilihan dan agihan zakat juga dikaji dengan meneliti kesesuaian kadar bantuan zakat terhadap golongan tersasar di kalangan asnaf zakat.

KAJIAN LITERATUR

Bahagian ini akan menerangkan kajian – kajian yang lepas berkenaan sistem pengurusan dan agihan zakat di institusi pengajian tinggi di Malaysia.

Pengurusan Zakat di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia

Sebahagian besar institusi pengajian tinggi (IPT) di Malaysia telah dilantik sebagai amil oleh pihak Majlis Agama Islam Negeri. Institusi pengajian tinggi yang dilantik sebagai amil berperanan sebagai wakil bagi mengutip dan menyalurkan hasil kutipan zakat kepada Majlis Agama. Majlis Agama kemudian mengagihkannya semula wang zakat tersebut kepada pelajar – pelajar IPT tersebut. Sistem ini dinamakan sebagai 'wakalah' dalam pengurusan zakat. Terdapat kajian – kajian yang membuktikan pelaksanaan sistem wakalah dalam pengurusan zakat di IPT. Ismail and Ali (2021) mengupas tentang peranan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sebagai amil zakat sejak tahun 2005 dan Universiti Putra Malaysia (UPM) sejak tahun 2002. Kedua – dua universiti tempatan ini telah mengadakan perjanjian persefahaman dengan Lembaga Zakat Selangor bagi mengagihkan zakat kepada 5 kategori asnaf iaitu fakir, miskin, fisabilillah, muallaf dan Ibnu Sabil. Sebuah tabung amanah telah diadakan iaitu Tabung Amanah Zakat UKM. Manakala di UPM, badan yang mengurus zakat ialah WAZAN.

Antara IPT lain yang telah dilantik sebagai amil ialah Universiti Teknologi Malaysia (UTM Skudai). IPT ini telah dilantik sebagai wakil Majlis Agama Islam Johor. Unit Zakat telah ditubuhkan di bawah Pusat Islam UTM (Muhamad, Sahid, Kamarudin, & Karim, 2018). Di Universiti Malaysia Kelantan, zakat diuruskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Zakat. Hasil kutipan zakat telah mencecah RM 2 juta (Azmi, Mubarak, Hasan, Jamil, & Abdullah, 2023). Di Kedah, Majlis Agama Islam Negeri juga turut melantik amil di kalangan IPT di negeri tersebut (Paizin & Sarif, 2021).

Agihan Zakat Di Institusi Pengajian Tinggi Di Malaysia

Kajian keberkesanan agihan zakat di institusi pengajian tinggi di Malaysia telah dikaji dari pelbagai sudut. Kajian kualitatif tentang pengurusan agihan zakat universiti membuktikan proses asas agihan zakat adalah; pengurusan permohonan zakat dikalangan pelajar yang meliputi penelitian dokumen, temuduga pemohon zakat dan pemilihan pemohon yang layak (Azmi, Mubarak, Hasan, Jamil, & Abdullah, 2023). Kajian kuantitatif pula seperti faktor – faktor yang mempengaruhi keberkesanan agihan zakat dengan mengkaji kesan penggunaan teknologi telah dijalankan oleh Yusuf, Sanawi, Ghani, Muhammad, and Kasim (2024). Mereka mendapati bahawa teknologi seperti sistem e-zakat memainkan peranan penting di dalam agihan zakat yang berkesan. Integrasi di antara ketelusan, keadilan dan kelestarian adalah penting untuk dilaksanakan oleh institusi Islam dalam menjamin pembangunan ekonomi dan sosial (Syahputra, Kaswinata, Siregar, Marliyah, & Waeno, 2023). Aplikasi permohonan zakat atas talian telah dibuktikan mendapat penerimaan yang baik di kalangan pengguna, oleh yang demikian institusi perlu menambahbaik mutu agihan zakat di kalangan penerima zakat yang layak (Saro, Bhari, & Rani, 2023).

Agihan zakat di UiTM

Universiti Teknologi MARA (UiTM) merupakan IPT pertama yang telah dilantik sebagai penolong amil oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) pada tahun 1998. Sejarah pelaksanaan pengurusan zakat di UiTM bermula dengan penyediaan kertas konsep bertajuk “Konsep Q5S Institut Teknologi MARA (ITM)” yang kemudiannya dibentangkan kepada Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan Pengurusan Pusat Zakat Selangor (PZS) pada 16 Oktober 1996 di Ibu Pejabat Pusat Zakat Selangor, Petaling Jaya (Tarmuji, Malik, Roseline, & Amin, 2022). Kini, sistem e-zakat dibangunkan oleh Bahagian Infostruktur (Unit Teknologi Maklumat UiTM) dan Bahagian Zakat, Sedekah dan Wakaf UiTM Shah Alam bagi memudahkan pelajar memohon zakat. Sistem ini dikendalikan di bawah portal rasmi UiTM di bawah HEP dan para pelajar yang memohon akan disaring terlebih dahulu oleh HEP (Junoh et al., 2023). Sistem ini telah memudahkan pihak pengurusan zakat UiTM dalam mengatasi masalah seperti kekurangan sumber manusia dalam meneliti dokumen, ketelusan dan penggunaan masa. Pelaksanaan e-zakat ini sesuai dengan matlamat UiTM dan hala tuju ZAWAF iaitu menjadi sebuah Universiti Terkemuka Dunia 2025 (Globally Reowned University 2025 – GRU 2025) (Azli & Yaakob, 2022).

Kelayakan pelajar untuk menerima zakat di UiTM adalah berdasarkan pentakrifan fakir, miskin dan fisabilillah yang termaktub di dalam polisi agihan zakat UiTM iaitu Arahan Amanah Zakat UiTM. Asnaf “fakir” adalah terdiri daripada pelajar yang datang daripada keluarga yang tidak mempunyai harta yang boleh memenuhi keperluan anggota keluarganya termasuk makanan, pakaian, tempat tinggal dan keperluan-keperluan lain. Asnaf “miskin” adalah datang dari keluarga yang mempunyai harta atau pendapatan yang tidak memenuhi keperluan anggota keluarga sepenuhnya. Asnaf “fisabilillah” adalah golongan B40 yang bukan dari kalangan asnaf fakir dan miskin tetapi memerlukan wang zakat bagi memenuhi tuntutan pengajian. Asnaf ini juga merangkumi pelajar di bawah program Tahfiz iaitu Plus Tahfiz UiTM. Kelayakan juga ditentukan oleh penentu utama iaitu pendapatan keluarga (Aziz, Nor, Shahidan, & Muhamad, 2023) dan status PTPTN pelajar.

Jadual 1 : Polisi Agihan Zakat UiTM bagi Pelajar Diploma

Jenis Asnaf	Agihan Zakat Maksimum yang Tiada Pinjaman	Agihan Zakat Maksimum bagi yang Ada Pinjaman
Fakir	1,000	500
Miskin	800	400
Fisabilillah	600	300

Jadual 2 : Polisi Agihan Zakat UiTM bagi Pelajar Ijazah Sarjana Muda

Jenis Asnaf	Agihan Zakat Maksimum yang Tiada Pinjaman	Agihan Zakat Maksimum bagi yang Ada Pinjaman
Fakir	1,200	600
Miskin	1000	500
Fisabilillah	800	400

Jadual 1 dan 2 adalah polisi agihan zakat UiTM berdasarkan Arahan Amanah UiTM untuk pelajar diploma dan ijazah sarjana muda. Justeru, UiTM telah dibuktikan oleh kajian Takril and Othman (2020) sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang sedang menambaik dari segi keberkesanan pengurusan agihan zakat berdasarkan *Zakat Effectiveness Index* (ZEIN). Namun, kajian tersebut mendapati bahawa terdapat aspek agihan yang masih perlu ditambahbaik dari segi penentuan had kifayah dan kaedah agihan. Antara aspek yang perlu ditambahbaik adalah peningkatan kadar bantuan zakat bagi golongan tersasar. Berdasarkan kajian Mahmud, Hashim, Ahmad, Mohamad, and Ahmad (2015) kadar bantuan merupakan aspek yang mendapat penilaian yang paling rendah dalam kalangan responden iaitu pelajar. Berdasarkan kajian Ahmad, Othman, and Salleh (2015), peranan pihak pengurusan zakat dalam meneliti asnaf tersasar adalah penting bagi memastikan golongan tersebut mendapat bantuan zakat yang sewajarnya. Justeru, kajian ini diperlukan bagi mengisi jurang kajian iaitu meneliti latarbelakang asnaf zakat di kalangan pelajar UiTM Negeri Sembilan dan mengukur keberkesanan polisi agihan zakat UiTM serta meneliti kadar bantuan zakat terhadap golongan asnaf tersasar.

KAEDAH KAJIAN

Analisis Diskriptif (Taburan Silang)

Bagi memenuhi objektif pertama kertas ini iaitu mengetahui bentuk demografi dan status ekonomi pelajar yang merupakan penerima zakat UiTM Negeri Sembilan, analisis diskriptif taburan silang digunakan. Penjadualan atau Tabulasi Silang (crosstabulation) memaparkan taburan secara serentak antara dua atau lebih pembolehubah. Kelebihan analisis taburan silang adalah ia dapat memberi satu perbandingan di antara dua atau lebih pemboleh ubah.

Analisis Regresi

Bagi memenuhi objektif kedua kertas ini iaitu mengenalpasti kesan kadar PTPTN dan pendapatan pelajar terhadap jumlah zakat yang diterima, analisis regresi linear digunakan. Analisis regresi linear digunakan adalah untuk menganggarkan kesan peningkatan satu unit pembolehubah bebas terhadap pemboleh ubah bersandar. Dalam kajian ini, pembolehubah bebas yang dikaji adalah jumlah PTPTN pelajar dan jumlah pendapatan pelajar, manakala pemboleh ubah bersandar adalah jumlah zakat yang diterima pelajar.

Persampelan

Persampelan yang digunakan dalam kajian ini adalah persampelan berstrata. Ini kerana strata dalam kajian ini adalah semua penerima zakat dari UiTM Negeri Sembilan pada tahun 2021 dan 2022. Data yang diambil adalah data primer dari sistem ezakat. Maklumat yang diberi dalam ezakat adalah bersumberkan data sebenar pelajar semasa pendaftaran oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan maklumat yang diisi pelajar semasa permohonan zakat dalam sistem ezakat. Maklumat yang diperolehi adalah dalam bentuk Microsoft Excel. Semua data tersebut ditukar kepada bentuk statistic melalui SPSS.

HASIL DAPATAN KAJIAN

Analisis Diskriptif – demografi pemohon zakat

Jadual 3 : Demografi Penerima Zakat mengikut asnaf bagi Tahun 2021 dan 2022

ASNAF * TAHUN 2021 DAN 2022			
		TAHUN	
		2021 (Covid-19)	2022 (Pasca Covid-19)
ASNAF	FAKIR	166	153
	MISKIN	150	140
	FISABILILLAH	76	89
	MUALLAF	0	1
Total		392	383

Jadual 3 adalah bilangan pelajar UiTM Negeri Sembilan yang telah menerima zakat dari pihak UiTM melalui ZAWAF bagi tahun 2021 dan 2022 mengikut asnaf. Bilangan pelajar yang menerima zakat antara tahun 2021 (semasa Covid-19) adalah sebanyak 392 orang manakala pada tahun 2022 (selepas Covid-19) jumlah pelajar adalah 383. Ini menunjukkan jumlah penerima telah mengalami penurunan sebanyak 2.3%. Penurunan adalah tidak ketara di antara tahun negara mengalami penyakit Covid-19 dengan tahun selepas penurunan Covid-19.


Jadual 4 : Taburan Silang di antara asnaf dan pendapatan keluarga bagi tahun 2021

ASNAF * PENDAPATAN KELUARGA (TABURAN SILANG) 2021						
		PENDAPATAN KELUARGA				Total
		0-1000	1001-2000	2001-3000	3001-4000	
ASNAF	FAKIR	128	37	1	0	166
	MISKIN	30	94	24	2	150
	FISABILILLAH	0	20	44	12	76
Total		158	151	69	14	392


Jadual 5 : Taburan Silang di antara asnaf dan pendapatan keluarga 2022

ASNAF * PENDAPATAN KELUARGA (TABURAN SILANG) 2022						
		INC				Total
		0-1000	1001-2000	2001-3000	3001-4000	
ASNAF	FAKIR	118	35	0	0	153
	MISKIN	22	96	20	2	140
	FISABILILLAH	1	21	39	28	89
	MUALLAF	0	0	1	0	1
Total		141	152	60	30	383

Jadual 4 dan 5 adalah perbandingan taburan silang antara asnaf zakat di UiTM dan pendapatan keluarga bagi tahun 2021 dan 2022. Bagi tahun 2021, 128 orang asnaf fakir adalah dari keluarga berpendapatan RM0 – RM1000. Manakala bagi tahun 2022, 118 orang asnaf fakir dari latarbelakang yang sama. Data menunjukkan asnaf fakir dan miskin mempunyai latarbelakang pendapatan antara RM0-RM1000 dan RM1001 hingga RM2000. Ini menunjukkan bahawa asnaf fakir dan miskin adalah paling ramai menerima zakat dan mereka adalah dari keluarga berpendapatan paling rendah.



Rajah 1: Taburan Penerima Zakat mengikut program di UiTM Negeri Sembilan



Rajah 2 : Taburan Penerima Zakat mengikut program di UiTM Negeri Sembilan 2022

Rajah 1 dan rajah 2 adalah taburan penerima zakat mengikut program bagi tahun 2021 dan 2022. Data menunjukkan bahawa penerima zakat adalah pelajar dari 28 program di UiTM Negeri Sembilan. Bagi kedua - dua tahun tersebut, didapati bahawa penerima zakat yang tertinggi adalah dari program AM228 iaitu Ijazah Sarjana Muda Sains Pentadbiran di Kampus UiTM Seremban. Ini menunjukkan pelajar yang menerima zakat adalah dari pelbagai peringkat iaitu diploma dan ijazah.

Analisis Status Ekonomi Pelajar

Bahagian ini menerangkan analisis status ekonomi asnaf mengikut semester dan analisis ekonomi penerima zakat berdasarkan status pekerjaan bapa.

Analisis Ekonomi Pelajar Berdasarkan Semester

Jadual 6 : Taburan Silang di antara asnaf dan semester bagi tahun 2021

ASNAF 2021 * SEMESTER TABURAN SILANG 2021										
		SEMESTER (SEM)								Total
		SEM 1	SEM 2	SEM 3	SEM 4	SEM 5	SEM 6	SEM 7	SEM 9	
ASNAF	FAKIR	20	14	41	17	59	13	2	0	166
	MISKIN	16	9	32	31	49	8	4	1	150
	FISABILILLAH	7	12	15	15	21	5	1	0	76
Total		43	35	88	63	129	26	7	1	392

Jadual 6 adalah taburan silang di antara jenis asnaf dan jumlah penerima mengikut semester bagi tahun 2021. Data menunjukkan pelajar semester 5 adalah penerima paling tinggi iaitu 129 orang dari 392 penerima. Manakala pelajar semester 3 adalah kedua tertinggi iaitu 88 orang dari 392 penerima.

Jadual 7 : Taburan Silang di antara asnaf dan semester 2022

ASNAF 2022 * SEMESTER TABURAN SILANG 2022										
		SEMESTER								Total
		SEM 1	SEM 2	SEM 3	SEM 4	SEM 5	SEM 6	SEM 7	SEM 8	
ASNAF	FAKIR	7	29	25	44	32	12	4	0	153
	MISKIN	10	24	29	31	28	13	2	3	140
	FISABILILLAH	7	16	18	29	12	5	2	0	89
	MUALLAF	1	0	0	0	0	0	0	0	1
Total		25	69	72	104	72	30	8	3	383

Jadual 7 adalah taburan silang di antara jenis asnaf zakat dan pelajar mengikut semester bagi tahun 2022. Data menunjukkan pelajar semester ke-4 adalah penerima zakat tertinggi bagi tahun 2022 iaitu 104 orang.

Jadual 8 : Taburan Silang di antara pendapatan keluarga asnaf dan semester 2021

INC * PART Crosstabulation										
		PART								Total
		SEM 1	SEM 2	SEM 3	SEM 4	SEM 5	SEM 6	SEM 7	SEM 9	
INC	0-1000	19	11	39	16	60	9	4	0	158
	1001-2000	10	14	38	32	43	11	2	1	151
	2001-3000	9	8	9	15	22	5	1	0	69
	3001-4000	5	2	2	0	4	1	0	0	14
Total		43	35	88	63	129	26	7	1	392

Manakala Jadual 8 adalah taburan silang di antara jumlah pendapatan keluarga dan pelajar mengikut semester bagi tahun 2021. Data menunjukkan bahawa jumlah pendapatan paling rendah, iaitu antara RM0 hingga RM1000, adalah dari kalangan pelajar semester 5 seramai 60 orang. Skor pendapatan terendah tersebut diikuti oleh penerima zakat dari semester 3 iaitu 39 orang.

Jadual 9 : Taburan Silang di antara pendapatan keluarga asnaf dengan semester 2022

PENDAPATAN * SEMESTER (TABURAN SILANG) 2022										
		PART								Total
		SEM 1	SEM 2	SEM 3	SEM 4	SEM 5	SEM 6	SEM 7	SEM 8	
INC	0-1000	7	26	24	42	27	10	5	0	141
	1001-2000	9	22	30	41	32	14	1	3	152
	2001-3000	7	12	13	11	11	4	2	0	60
	3001-4000	2	9	5	10	2	2	0	0	29
Total		25	69	72	104	72	30	8	3	383

Jadual 9 adalah taburan silang di antara jumlah pendapatan keluarga dan jumlah penerima mengikut semester pada tahun 2022. Data menunjukkan pendapatan keluarga terendah iaitu RM0 hingga RM1000 adalah dari kalangan pelajar semester ke- 4 iaitu seramai 42 orang. Hasil perbandingan dari Jadual 6,7,8 dan 9 adalah status ekonomi pelajar dapat diketahui mengikut semester. Bagi tahun 2022, pelajar dari semester 4 adalah paling rendah status ekonomi mereka yang memerlukan pemerhatian ZAWAF dan para penasihat akademik di seluruh fakulti UiTM Negeri Sembilan bagi tahun 2023 dan 2024.

Analisis Status Ekonomi Pekerjaan Bapa

Jadual 10 : Latarbelakang Pekerjaan Bapa Penerima Zakat UiTM Negeri Sembilan 2021 dan 2022

Jenis Pekerjaan	2021 (covid – 19)	peratus	2022 (post covid – 19)	peratus
KERJA SENDIRI	133	33.9	112	29.2
PESARA	67	17.1	55	14.4
SWASTA	65	16.6	70	18.3
KERAJAAN	23	5.9	24	6.3
TIDAKBEKERJA	96	24.5	108	28.2
MENINGGAL DUNIA	8	2.0	14	3.7
Total	392	100.0	383	100.0

Jadual 10 menunjukkan jenis pekerjaan bapa kepada penerima zakat yang tertinggi adalah “kerja sendiri” dengan peratusan sebanyak 33.9 % pada tahun 2021 dan 29.2% pada tahun 2022. Manakala bapa “tidak bekerja” mencatatkan peratusan kedua tertinggi iaitu 24.5% pada tahun 2021 dan 28.2% pada tahun 2022.

Analisis Taburan Silang antara PTPTN dan Agihan Zakat

Bahagian ini menghuraikan analisis pengaruh PTPTN pelajar dan jumlah pendapatan pelajar terhadap agihan zakat UiTM. Analisis didahului dengan taburan silang di antara PTPTN dan jumlah pendapatan dengan jumlah agihan zakat. Analisis menjadikan PTPTN dan jumlah pendapatan sebagai pembolehubah bebas dan jumlah agihan zakat sebagai pembolehubah bersandar.

Analisis Taburan Silang di antara PTPTN terhadap jumlah Agihan Zakat**Jadual 11** : Taburan Silang Zakat UiTM dan PTPTN Pelajar 2021

		PTPTN							Total
		TIADA PTPTN	1000-1500	1501-2000	2001-2500	2501-3000	3001-3500	SELAIN PTPTN	
ZAKAT	100-150	2	1	6	14	1	5	2	31
	200-250	3	3	21	22	7	18	2	76
	300-350	16	0	15	24	7	20	5	87
	400-450	18	4	14	14	3	5	3	61
	500-550	26	2	8	9	1	2	1	49
	600-650	23	1	0	0	0	0	0	24
	700-750	10	0	0	0	0	0	0	10
	800-850	44	1	0	1	0	0	0	46
	900-950	3	0	0	0	0	0	0	3
	1000 - 1500	5	0	0	0	0	0	0	5
Total		150	12	64	84	19	50	13	392

Berdasarkan jadual 11, 150 pelajar yang tidak memiliki PTPTN diberi zakat dari RM100 hingga rm1500. Walaubagaimanapun, hanya sebilangan kecil dari mereka yang menerima kadar bantuan zakat RM1500. Hanya 12 orang penerima PTPTN RM1000 hingga RM1500 menerima zakat UiTM. Manakala 84 orang penerima PTPTN RM2001 hingga RM2500 menerima zakat UiTM antara rm100 hingga RM550. Namun, terdapat 50 orang penerima PTPTN RM3001 hingga RM3500 diberi zakat antara RM100-550.

Jadual 12 : Taburan Silang di antara Zakat UiTM dan PTPTN pelajar 2022

		PTPTN							Total
		TIADA PTPTN	1000-1500	1501-2000	2001-2500	2501-3000	3001-3500	SELAIN PTPTN	
ZAKAT	100-150	0	1	2	3	2	1	0	9
	200-250	42	4	7	6	3	14	4	80
	300-350	6	2	27	19	11	20	6	91
	400-450	6	3	12	7	0	3	0	31
	500-550	28	2	11	14	1	4	3	63
	600-650	26	1	0	1	1	3	2	34
	700-750	6	0	0	0	0	0	0	6
	800-850	56	0	1	0	0	0	0	57
	1000 - 1500	12	0	0	0	0	0	0	12
	Total		182	13	60	50	18	45	15

Berdasarkan jadual 12, 182 pelajar yang tiada PTPTN diberi zakat dari RM100 hingga RM1500. Hanya 13 orang penerima PTPTN RM1000 hingga RM1500 menerima zakat UiTM. 60 orang penerima PTPTN RM1501 – RM2000 menerima zakat UiTM antara rm100 hingga rm550. Namun, terdapat 45 orang penerima PTPTN RM3001 – rm3500 diberi zakat antara RM100-650.

Analisis Regresi antara PTPTN dan Zakat

Bahagian ini menerangkan analisis regresi di antara jumlah zakat yang diterima oleh penerima zakat dan jumlah PTPTN. Ianya perlu bagi membuktikan keberkesanan polisi zakat UiTM iaitu Arahan Amanah UiTM.

Jadual 13 : Nilai Regresi di antara jumlah zakat dan PTPTN yang diterima oleh penerima zakat 2021

Koefisien ^a						
Model		Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig.
		B	Std. Error	Beta		
1	(Constant)	6.172	.166		37.124	<.001
	PTPTN	-.696	.046	-.605	-15.007	<.001

a. Pembolehubah Bersandar: ZAKAT

Jadual 13 menunjukkan kesan jumlah PTPTN terhadap jumlah zakat yang diterima oleh pelajar. Kesan diukur melalui nilai koefisien. Dapatan menunjukkan nilai koefisien kurang daripada .001 untuk PTPTN (pembolehubah bebas) meramalkan zakat (pembolehubah bersandar). Ini memberi petunjuk bahawa koefisien tersebut sangat kecil tetapi secara statistik ianya adalah signifikan. Nilai koefisien menunjukkan perubahan dalam pembolehubah bersandar (zakat) yang berkaitan dengan peningkatan satu unit dalam pembolehubah bebas (PTPTN). Dalam kes ini, koefisien sangat kecil, mencadangkan bahawa terdapat hanya perubahan minima dalam jumlah zakat untuk setiap peningkatan satu unit dalam jumlah PTPTN. Ini terbukti bahawa, terdapat hubungan antara jumlah PTPTN dan jumlah zakat yang ditentukan untuk setiap penerima iaitu semakin tinggi nilai PTPTN, semakin rendah jumlah zakat yang diterima oleh pelajar. Walau bagaimanapun, kerana koefisien sangat kecil, ia mencadangkan bahawa jumlah PTPTN mungkin bukan penentu utama bagi jumlah zakat yang diterima oleh pelajar.

Jadual juga menunjukkan koefisien bagi PTPTN meramalkan jumlah zakat secara statistiknya adalah (-0.605) iaitu signifikan dan negatif. Ia menunjukkan bahawa terdapat hubungan antara jumlah PTPTN dan jumlah zakat, dan bahawa peningkatan jumlah PTPTN dikaitkan dengan penurunan jumlah zakat.

Analisis Taburan Silang Di Antara Jumlah Pendapatan Dan Agihan

Bahagian ini mengkaji hubungan antara jumlah zakat yang diagih oleh UiTM dan jumlah pendapatan keluarga penerima zakat. Kajian didahului dengan analisis taburan silang bagi tahun 2021 dan 2022 kemudian disusuli dengan kajian regresi.

Jadual 14 : Taburan silang di antara agihan zakat UiTM dan pendapatan keluarga penerima 2021

ZAKAT * PENDAPATAN (TABURAN SILANG)						
		PENDAPATAN				Total
		0-1000	1001-2000	2001-3000	3001-4000	
ZAKAT	100-150	13	7	11	0	31
	200-250	13	40	19	4	76
	300-350	34	34	15	4	87
	400-450	28	23	8	2	61
	500-550	25	16	4	4	49
	600-650	8	10	6	0	24
	700-750	3	6	1	0	10
	800-850	28	14	4	0	46

	900-950	2	1	0	0	3
	1000 - 1500	4	0	1	0	5
Total		145	151	69	14	392

Jadual 14 adalah tabur silang antara jumlah zakat UiTM dan pendapatan keluarga penerima zakat bagi tahun 2021. Data menunjukkan 145 penerima zakat adalah berpendapatan RM0-RM1000, dan 151 penerima zakat adalah berpendapatan RM1001 hingga RM2000. Manakala 69 penerima zakat adalah dari keluarga berpendapatan RM2001 hingga RM3000. 14 penerima zakat adalah dari keluarga berpendapatan RM3001 hingga RM4000.

Jadual 15 : Taburan Silang antara Zakat UiTM dan pendapatan keluarga penerima zakat 2022

ZAKAT * PENDAPATAN KELUARGA (TABURAN SILANG) 2022						
		INC				Total
		0-1000	1001-2000	2001-3000	3001-4000	
ZAKAT	100-150	0	7	1	1	9
	200-250	11	34	23	12	80
	300-350	49	33	6	3	91
	400-450	3	19	6	3	31
	500-550	32	21	9	1	63
	600-650	9	9	8	8	34
	700-750	5	1	0	0	6
	800-850	26	23	6	2	57
	1000 - 1500	6	5	1	0	12
Total		141	152	60	29	383

Jadual 15 adalah taburan silang antara jumlah zakat UiTM dan pendapatan keluarga penerima zakat bagi tahun 2022. Data menunjukkan 141 penerima zakat adalah berpendapatan RM0-RM1000, dan 152 penerima zakat adalah berpendapatan RM1001 hingga RM2000. Manakala 60 penerima zakat adalah dari keluarga berpendapatan RM2001 hingga RM3000. 29 penerima zakat adalah dari keluarga berpendapatan RM3001 hingga RM4000.

Analisis Regresi antara jumlah zakat dan pendapatan

Jadual 16 : Regresi di antara agihan zakat dan jumlah pendapatan keluarga penerima zakat 2021

Koefisien ^a						
Model		Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig.
		B	Std. Error	Beta		
1	(Constant)	5.105	.246		20.725	<.001
	PENDAPATAN	-.576	.122	-.232	-4.717	<.001

a. Pembolehubah Bersandar: ZAKAT

Jadual 16 menunjukkan nilai koefisien kurang daripada .001 menunjukkan bahawa koefisien bagi pembolehubah bebas (pendapatan) dalam meramalkan pembolehubah bergantung (zakat) adalah sangat kecil tetapi secara statistik signifikan.

Secara magnitud, nilai koefisien menunjukkan perubahan dalam pembolehubah bergantung (zakat) yang berkaitan dengan peningkatan satu unit dalam pembolehubah bebas (pendapatan). Dalam kes ini, koefisien sangat kecil, mencadangkan bahawa terdapat hanya perubahan minima dalam jumlah zakat untuk setiap peningkatan satu unit dalam pendapatan.

Walaupun magnitud koefisien yang kecil, koefisien yang secara statistik signifikan ($<.001$) menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara pendapatan dan jumlah zakat. Ini bermaksud pendapatan adalah penentu yang signifikan bagi jumlah zakat, walaupun saiz kesannya mungkin kecil.

Berdasarkan koefisien yang secara statistik signifikan, dapat disimpulkan bahawa terdapat hubungan antara pendapatan dan jumlah zakat. Walau bagaimanapun, kerana koefisien sangat kecil dan negatif, ia mencadangkan bahawa pendapatan bukan penentu utama bagi jumlah zakat.

Jadual 17 : Taburan Silang di antara pendapatan keluarga dan PTPTN pelajar bagi tahun 2021

PENDAPATAN * PTPTN TABURAN SILANG 2021									
		PTPTN							Total
		TIADA PTPTN	1000- 1500	1501- 2000	2001- 2500	2501- 3000	3001- 3500	SELAIN PTPTN	
INC	0-1000	53	4	27	40	7	19	6	145
	1001- 2000	55	7	26	24	11	21	7	151
	2001- 3000	30	1	9	20	0	9	0	69
	3001- 4000	10	0	2	0	1	1	0	14
Total		150	12	64	84	19	50	13	392

Jadual 17 menunjukkan tabur silang antara pendapatan keluarga penerima zakat dan jumlah PTPTN penerima zakat UiTM. Data menunjukkan bahawa 53 orang pelajar adalah berpendapatan paling rendah iaitu RM0-RM1000 dan tiada PTPTN. 55 orang pelajar dari keluarga berpendapatan RM1001- RM2000 dan tiada PTPTN.

PERBINCANGAN

Analisis demografi menunjukkan bahawa polisi agihan zakat telah digunakan dengan baik dan memberi kesan kepada kumpulan tersasar di UiTM negeri Sembilan. Ini terbukti daripada data yang sedia ada, penerima zakat adalah dari semester 1 hingga semester ke-9. Namun, kajian yang lebih mendalam perlu dilakukan bagi mengetahui sebab jumlah penerima yang tidak sekata. Bilangan penerima dari program AM228 yang mencatatkan jumlah tertinggi bagi 2 tahun berturut-turut perlu dikaji dengan baik. Kemungkinan faktor penentunya adalah inisiatif dari kalangan pensyarah – pensyarah program tersebut.

Bagi tahun 2021, asnaf fakir, miskin dan fisabilillah yang tertinggi adalah dari pelajar semester 3 dan 5. Manakala bagi tahun 2022, asnaf tertinggi adalah di kalangan pelajar semester 4. Pekerjaan bapa yang tertinggi di adalah di kalangan bekerja sendiri dan tidak bekerja. Berdasarkan analisis tersebut, dapat disimpulkan bahawa agihan zakat yang dilaksanakan di kalangan pemohon zakat adalah mengikut polisi yang telah ditetapkan di dalam arahan amanah UiTM, iaitu agihan berfokus kepada asnaf fakir dan miskin. Profil pelajar fakir dan miskin itu terbukti bahawa mereka adalah menepati takrifan fakir dan miskin yang berpendapatan di antara RM0 hingga RM1000, dan RM1001 hingga RM2000. Data ini penting sebagai panduan kepada penasihat akademik yang bertanggungjawab kepada pelajar semester berkenaan.

Pentakrifan pekerjaan bapa yang bekerja sendiri perlu diberi perhatian yang lebih mendalam oleh ZAWAF bagi menentukan pekerjaan tersebut merujuk kepada pekerjaan yang tidak stabil dan berpendapatan rendah.

Analisis kesan PTPTN terhadap jumlah agihan zakat menunjukkan bahawa kadar PTPTN yang meningkat memberi kesan kepada kadar bantuan zakat yang lebih rendah, namun kesan PTPTN tidak

memberi impak yang besar. Terdapat sejumlah pelajar yang telah menerima PTPTN yang tinggi iaitu RM3001 hingga RM3500 juga menikmati bantuan zakat. Ini memberi kesan terhadap kadar bantuan zakat bagi golongan tersasar iaitu tiada PTPTN dan berpendapatan keluarga RM0 hingga RM2000. Bilangan golongan tersasar yang layak menerima bantuan zakat maksimum menjadi rendah.

Analisis kesan pendapatan keluarga penerima zakat terhadap jumlah zakat menunjukkan bahawa jumlah pendapatan memberi pengaruh yang kecil terhadap kadar bantuan zakat yang diterima. Ini kerana terdapat penerima zakat yang berpendapatan RM3001 hingga RM4000. Justeru, pihak pengurusan perlu menambahbaik kaedah penelitian bagi memastikan keperluan asnaf tersebut sesuai dengan kadar bantuan zakat yang diberikan.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa, polisi agihan zakat UiTM telah digunapakai secara berkesan. Sistem e-zakat telah memudahkan urusan agihan zakat dengan meningkatkan kadar ketelusan dalam pemilihan penerima zakat. Maklumat yang diberikan oleh pihak Hal Ehwal Pelajar melalui e-zakat juga amat membantu proses pemilihan. Sistem e-kalkulator yang terdapat dalam e-zakat juga membantu pihak pengurusan menentukan kategori asnaf penerima zakat. Senarai penerima zakat ini dipertimbangkan semula di dalam proses temuduga penerima zakat di kalangan panel penemuduga ZAWAF. Namun terdapat aspek-aspek yang perlu diberi perhatian iaitu penentuan agihan zakat berdasarkan kadar PTPTN dan kadar pendapatan keluarga. Kajian terhadap faktor penolakan pelajar untuk tidak menerima PTPTN harus dikaji. Ini kerana terdapat sejumlah pelajar yang tidak mengambil pinjaman PTPTN di UiTM Negeri Sembilan dan mengambil inisiatif memohon bantuan zakat. Had kifayah pelajar perlu dikaji semula iaitu mengambil kira pendapatan sebenar pelajar dan setiap sistem sokongan kewangan yang diterima oleh pelajar. Mungkin dengan kaedah ini bilangan asnaf fakir dan miskin dapat dikurangkan dan dana zakat dapat diberikan terhadap pelajar yang tersasar iaitu dikalangan miskin tegar atau mangsa dari keruntuhan keluarga.

PERTEMBUNGAN KEPENTINGAN

Dengan ini diisytiharkan bahawa tiada apa – apa pertembungan di antara kepentingan penulis dengan segala penghasilan fakta dalam artikel ini.

SUMBANGAN PENULIS BERSAMA

Rafidah Mohd Azli sebagai penulis utama telah menyediakan bahagian pengenalan, kajian literatur, analisis dan perbincangan. Manakala Mohd Asyran Safwan Kamaruzzaman sebagai penulis kedua telah menyumbang data penerima zakat dalam penghasilan data. Nursafra Mohd Zhaffar sebagai penulis ketiga telah menyumbang idea dalam kaedah kajian dan terjemahan data yang dianalisis.

PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan ditujukan kepada Jawatankuasa Unit Zakat, Sedekah dan Wakaf (ZAWAF) UiTM Negeri Sembilan di atas penajaan kajian ini di bawah dana bernombor: 100-UiTMKNS (ZAWAF GP.Z /01/2022)

RUJUKAN

Ahmad, R. A. R., Othman, A. M. A., & Salleh, M. S. (2015). Assessing the Satisfaction Level of Zakat Recipients Towards Zakat Management. Paper presented at the INTERNATIONAL ACCOUNTING AND BUSINESS CONFERENCE 2015, IABC 2015.

- Aziz, A. A., Nor, N. A. M., Shahidan, W. N. W., & Muhamad, S. N. N. (2023). Factors Affecting the Eligibility of Zakat Assistance to University Students During COVID-19: A Case Study in Universiti Teknologi MARA (UiTM). Paper presented at the Kedah International Conference on Social Science and Humanities, The 3th Islamic Management Development Conference (IMDEC), UiTM Kedah (Online), Malaysia.
- Azli, R. M., & Yaakob, M. A. Z. (2022). Peranan Dan Hala Tuju Institusi Zakat Dan Sedekah Di Uitm. *Epitome of Nature (EON)*, 5(May).
- Azmi, N. F., Mubarak, M. Z., Hasan, H., Jamil, A., & Abdullah, T. (2023). Fostering Equality And Inclusion: Exploring Zakat Governance Empowerment In Higher Educational Institution. *Al-Mimbar: International Journal of Mosque, Zakat And Waqaf Management*, 3(2), 84-96.
- Ismail, M. N. M., & Ali, N. A. (2021). Analisis Agihan Zakat oleh Penolong Amil Institusi Pengajian Tinggi di Selangor. *Online Journal of Research in Islamic Studies*, 8(3), 1-14.
- Junoh, N., Zin, M. N. M., Mustapha, A. M., Yusuf, N., Jusoh, N. A. M., Mustafa@Busu, Z., & Din, N. M. N. (2023). Analisis Strategi Pengurusan Zakat Dalam Mendepani Covid-19: Tinjauan Di Unit Zakat, Sedekah Dan Wakaf Uitm Cawangan Kelantan (Uzsw). *Journal of Fatwa Management and Research | Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, 28(1).
- Mahmud, R. R., Hashim, I., Ahmad, S., Mohamad, A. B. H., & Ahmad, S. H. (2015). Inovasi dalam Pengurusan Zakat di UPSI: Kesannya Terhadap Kepuasan Asnaf dalam Kalangan Pelajar. *Jurnal Perspektif*, 7(1).
- Muhamad, N. H. N., Sahid, M. F. M., Kamarudin, M. K., & Karim, K. A. (2018). Zakat Distribution to Fi Sabilillah Asnaf in Higher Education Institutions: Universiti Teknologi Malaysia Experience. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(9), 138-149.
- Paizin, M. N., & Sarif, S. (2021). Limitasi Penggunaan Konsep Wakalah Dalam Sistem Pengurusan Zakat Di Malaysia Limitations of the Use of the Agency Concept in the Zakat Management System in Malaysia. *e-JURNAL PENYELIDIKAN DAN INOVASI*, 8(1).
- Saro, N., Bhari, A., & Rani, A. M. (2023). The Level Of Acceptance And Intent To Continue Using Digital Zakat Applications Among The Community: A Preliminary Study. *Perdana: International Journal of Academic Research (Social Sciences & Humanities)*, 16(1).
- Syahputra, A., Kaswinata, Siregar, S., Marliyah, & Waeno, M. (2023). The Relationship of Zakat Management Organization (ZMO) to the Effectiveness of Higher Education Management. *IDARAH (Jurnal Pendidikan dan Kependidikan)*, 7(2), 213-226.
- Takril, N. F., & Othman, N. F. (2020). Effectiveness Of Zakat Collection And Distribution Of Zakat Counter At Higher Learning Institutions. Paper presented at the International Journal of Islamic Economics and Finance Research.
- Tarmuji, R., Malik, N. A. A., Roseline, A. K., & Amin, S. M. (2022). Agihan Zakat Oleh UiTM Cawangan Sabah: Suatu Sorotan. Paper presented at the Proceedings Borneo Islamic International Conference.
- Yusuf, S. N. S., Sanawi, N. H., Ghani, E. K., Muhammad, R., & Kasim, D. D. a. E. S. (2024). Examining technology improvement, procedural application and governance on the effectiveness zakat distribution. *International Journal of Ethics and Systems*, 40(1), 103-126.
-